

Legasi
MAHATHIR

Legasi
MAHATHIR
sivamurugan pandian



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

110101

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mel: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2005

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sivamurugan Pandian

Legasi Mahathir / Sivamurugan Pandian.

Bibliografi: ms. 361

ISBN 967-61-1684-X

1. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri, 1925-.
2. Prime minister-Malaysia. 3. Malaysia-Politics and government.

1. Judul.

320.9595092

Dicetak oleh

PRIN-AD SDN. BHD.

No. 27-29, Jalan 2/148A,

Tmn. Sg. Besi Industrial Park,

57100 Kuala Lumpur.

M

320.9595092

SIV

M
1190107

22 JUN 2005

Perpustakaan Negara
Malaysia



TIMBALAN PERDANA MENTERI
(DEPUTY PRIME MINISTER)

KATA ALU-ALUAN



Saya amat berbangga kerana diberi peluang untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam buku mengenai seorang pemimpin ulung negara atau lebih sesuai dipanggil 'statesman' tanah air, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Selama 22 tahun, Malaysia telah ditadbir dan diterajui oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, seorang pemimpin berwibawa, terhormat, berkarisma dan berjaya memacu negara ke persada antarabangsa, sehingga Malaysia bukan sahaja dikagumi tetapi turut disegani. Ramai beranggapan pemimpin ini sungguh istimewa dan Malaysia wajar bersyukur kerana dikurniakan seorang pemimpin yang disanjung ramai. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meninggalkan satu legasi, satu sejarah baru di dalam arena politik tanah air. Malaysia muncul sebagai salah sebuah negara yang pesat membangun di kalangan negara dunia ketiga kerana corak kepimpinannya. Personaliti Tun Dr. Mahathir mengagahi segala tindakannya sehingga pemikirannya di dalam sektor ekonomi, sains dan teknologi, agama dan perhubungan antarabangsa telah mewarnai pencapaian negara di bawah kepimpinan beliau selama lebih dua dekad. Kesemua ini menjadi satu legasi, satu doktrin, satu ideologi. Aspek-aspek inilah yang turut mendasari buku ini yang menjadikannya sebuah buku yang istimewa, mencakupi segala faktor periwatan seorang pemimpin.

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir telah merentasi pemikiran konvensional dalam pelbagai bidang dan kebijaksanaannya memang diakui dan dikagumi dunia. Segenap lapisan masyarakat menjivai perjuangannya ke arah Malaysia yang bebas dari kongkongan asing dan membangun dengan rentak yang tersendiri. Setiap kejayaan yang dicapai oleh negara selama 22 tahun Tun Dr. Mahathir memimpin adalah kerana sokongan dan semangat 'Malaysia Boleh' yang tersemat di dalam sanubari rakyat Malaysia. Tun Dr. Mahathir benar-benar telah berjaya menzahirkan hasrat beliau untuk membina bangsa dan negara bermaruah dan sekaligus telah berjaya meninggalkan negara yang aman makmur dan stabil untuk diwarisi penggantinya, YAB. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang jelas dapat meneruskan tradisi kecermerlangan kepimpinan tanah air.

Sesungguhnya saya mengalu-alukan penerbitan buku ini yang mengabadikan jasa dan legasi seorang negarawan ulung kebanggaan rakyat dan negara.

Sekian, Terima kasih.

(DATO' SRI MOHD NAJIB)

